

Usaha damaikan perang Iran-Iraq wajib diteruskan

KUALA LUMPUR, Ahad — Jawatankuasa Damai Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) hendaklah terus berusaha menamatkan perang Iran-Iraq tanpa perlu menukar perwakilan dalam jawatankuasa itu.

Sehubungan itu, Pengerusi dan Setiausaha Agung kedua-dua jawatankuasa itu, Sir Dawda Jawara dan Encik Sharifuddin Pirzada hendaklah kekal mengetuai rombongan dalam perundingan damai antara Iran dan Iraq itu.

"Negara-negara anggota jawatankuasa itu telah memberi mandat sepenuhnya kepada OIC, termasuk pemimpin Sir Dawda Jawara dan Encik Sharifuddin untuk mengetuai rombongan perundingan damai itu.

"Oleh itu, belum tiba masanya untuk mencadangkan tokoh-tokoh lain, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mengetuai rombongan itu," kata Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian

Luar, Datuk Razali Ismail.

Beliau menegaskan, soal siapa sepatutnya mengetuai rombongan perundingan damai itu tidak penting buat masa ini.

"Kita telah memberi mandat kepada OIC dan yang perlu diberikan perhatian oleh jawatankuasa itu ialah usaha ke arah mendamaikan kedua-dua puak yang bersengketa," tegasnya.

Datuk Razali mengulas berita agensi asing yang melaporkan Presiden Bangladesh, Hossain Mohammad Ershad mencadangkan supaya OIC melantik Datuk Seri Dr Mahathir dan Setiausaha Agung OIC, Encik Sharifuddin sebagai ketua perwakilan dalam perundingan damai Iran-Iraq.

Pada masa ini, Sir Dawda Jawara yang juga Presiden Gambia dan Encik Sharifuddin mengetuai perwakilan OIC dalam perundingan damai itu. Jawatankuasa OIC ditubuhkan pada 1981 dan dianggotai oleh Gambia, Senegal, Guinea, Malaysia, Pakistan, Turki dan Pertubuhan Pembebasan Palestin.

Datuk Razali berkata, Malaysia akan terus memberikan sokongan dan bantuan yang diperlukan oleh OIC dalam usaha menamatkan perang Iran-Iraq.